



Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri sawit

TERBIT PADA SABTU
MINGGU PERTAMA
SETIAP BULAN

3 MAC 2012



M P O B

BERITA HARIAN

e-mail: beritasawit@mpob.gov.my

Sektor Perikanan Wilayah Tengah guna B5



Kerajaan bersetuju memperluaskan pelaksanaan penggunaan B5 untuk semua sektor bersubsidi di Wilayah Tengah termasuk sektor perikanan, skid tank dan fleetcard bermula pada 15 Februari 2012

Tan Sri Bernard Dompok
Menteri Perusahaan
Perladangan
dan Komoditi



TAN Sri Bernard Dompok semasa melancar penggunaan B5 kepada Sektor Perikanan. Turut kelihatan Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim (kiri) dan Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kanan).

Bio bahan api berasas sawit tingkat pembangunan ekonomi

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

TANJUNG KARANG: Sektor Perikanan Wilayah Tengah mula menggunakan bio bahan api B5 (adunan 5 peratus metil ester sawit dengan 95 peratus diesel petroleum) bersubsidi untuk kegunaan bot menangkap ikan dengan pelancaran penggunaannya disempurnakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok di Jeti Bagan Pasir, Tanjung Karang, Selangor baru ini.

Pelancaran penggunaan B5 sektor perikanan itu dilaksanakan berikutan kejayaan pelaksanaan Program B5 untuk sektor pengangkutan darat di stesen minyak runcit Wilayah Tengah yang dilancarkan dan dikuatkuasakan penggunaan sejak Jun 2011.

Tan Sri Bernard Dompok, semasa merasmikan Majlis Pelancaran Penggunaan B5 untuk Sektor Perikanan itu berkata, Kerajaan bersetuju memperluaskan pelaksanaan penggunaan B5 untuk semua sektor bersubsidi di Wilayah Tengah termasuk sektor perikanan, skid tank dan fleetcard bermula pada 15 Februari 2012.

meliputi negeri Melaka, Negeri Sembilan, Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor.

Beliau berkata, Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan Program B5 sepenuhnya di seluruh negara seawat-lewatnya pada 2014.

Penggunaan bio bahan api berasas sawit berupaya meningkatkan pembangunan ekonomi negara dan menjadi mekanisme bagi menstabilkan harga minyak sawit di pasaran dunia.

“Dengan pengeluaran minyak sawit negara mencecah 19 juta tan pada 2011, bekalan minyak sawit untuk Program B5 adalah mencukupi dan berkesan untuk menyerap lebih pengeluaran serta tidak menjejaskan untuk bekalan kepada sektor makanan.”

“Saya suka memberi jaminan bahawa minyak B5 adalah selamat digunakan untuk enjin bot. Syarikat pengeluar enjin dan syarikat petroleum juga bersetuju untuk memberikan ‘engine warranty’ bagi penggunaan bio bahan api B5,” katanya.

“Saya yakin dengan sokongan semua pihak, Program B5 adalah satu strategi ke arah mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan menyumbang kepada alam sekitar yang lebih bersih.

“Kerajaan melalui MPOB mengadakan projek percubaan penggunaan B5 kepada bot Persatuan Nelayan Kawasan, Bagan Pasir, Tan-

jung Karang dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Projek ini mengambil masa dua bulan dengan membabitkan penggunaan 30,000 liter minyak B5.

“Hasil kajian projek percubaan itu mendapati bot berkenaan kurang membebaskan asap hitam, kurang ketukan pada enjin, kuasa enjin dan kadar penggunaan B5 adalah sama dengan penggunaan diesel biasa dan tiada kesan negatif kepada enjin.

Beliau berkata, pelaksanaan Program B5 bagi sektor selain pengangkutan darat akan membabitkan penggunaan sebanyak 33,313 tan atau 39 juta liter biodiesel setahun. Ini akan menyumbang kepada penjimatan penggunaan diesel sebanyak 26,358 tan atau 30.51 juta liter setahun bagi sektor fleetcard, 4,985 tan atau 5.77 juta liter setahun bagi sektor perikanan dan 1,970 tan atau 2.28 juta liter setahun sektor skid tank.

“Pada 2011, pelaksanaan Program B5 di Wilayah Tengah bagi sektor pengangkutan darat telah menyumbang kepada peningkatan sebanyak 48 peratus dalam pengeluaran biodiesel negara, di mana sebanyak 173,220 tan dikeluarkan berbanding 117,173 tan pada 2010.

“Bilangan kilang biodiesel yang beroperasi juga meningkat daripada 11 buah kilang pada tahun 2010 kepada 12 kilang pada 2011,” katanya.

TAWARAN MENYERTAI KURSUS INTENSIF DIPLOMA PENGURUSAN PELADANGAN DAN TEKNOLOGI SAWIT SESI MAC - JUN 2012

SIAPA YANG PERLU HADIR

Individu dari industri peladangan sawit, dalam dan luar negara atau mana-mana pihak yang berminat secara langsung atau tidak langsung dengan peladangan sawit dipelawa untuk mengikuti kursus di atas.

Pemohon perlu mempunyai kelayakan seperti berikut:

- Diploma dalam bidang pertanian yang dikilorkan; atau
- Lulus SPM dengan kredit Bahasa Inggeris dan Sains atau mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya dua (2) tahun di sektor peladangan, dan
- Warganegara Malaysia

OBJEKTIF

Memberi pendedahan kepada para peserta kursus mengenai pelbagai teknologi terkini yang berkaitan dengan peladangan hulu sawit dan produknya serta memberi penekanan terhadap pengurusan peladangan yang dapat membantu meningkatkan tahap kualiti kerja serta pendedahan tentang peraturan dan perundangan dalam industri sawit

METODOLOGI

- Ceramah
- Perbincangan
- Lawatan Ladang/Praktikal
- Peperiksaan
- Projek/Kerja Kursus Praktikal

BAHASA PENGHANTAR

Bahasa pengantar adalah Bahasa Inggeris.

TARIKH TUTUP

Tarikh tutup penghantaran borang pendaftaran adalah pada 29 Februari 2012

Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau bank draft atau kiriman wang pos atas nama KETUA PENGARAH MPOB.

BORANG PENDAFTARAN

Pemohon hendaklah mengisi borang pendaftaran yang boleh didapati di laman web: MPOB www.mpob.gov.my.

YURAN PENDAFTARAN

RM6,500.00 Warganegara Malaysia
Euro (€) 3,000 Warganegara Asing
(Tidak termasuk penginapan)

Latihan Sengkul di Estet (pilihan)
RM1,800 Warganegara Malaysia
Euro (€) 500 Warganegara Asing

PERTANYAAN

Untuk penyerahan lanjut, sila hubungi:

• Pn Hjh Azizah Lockman
No. Tel: 03-89257044 atau 03-87494504
Faks: 03-89257549
E-mel: azizah@mpob.gov.my

• En Omar Hj Kamal
No. Tel: 03-87494869
No. 013-3324840
Faks: 03-89257549
E-mel: omars@mpob.gov.my



Minda

Datuk Dr Choo Yuen May
KETUA PENGARAH MPOB

INDUSTRI sawit adalah antara penyumbang utama ekonomi Malaysia. Bagaimanapun, tanaman sawit juga terdedah kepada risiko serangan penyakit-penyakit yang boleh menjejaskan pendapatan penanam dan negara. Di antara penyakit utama yang menyebabkan kerugian ekonomi serius di negara pengeluar sawit adalah reput pangkal batang (RPB) yang disebabkan kulat *Ganoderma*, layu vaskular (kulat *Fusarium oxysporum* f. sp. *elaeidis*), bud rot (kulat *Phytophthora palmivora*), red ring (nematod *Rhadinaphelenchus cocophilus*), dan sudden wither (protozoa *Phytoplasma Staheli*). Kesemua penyakit berkenaan dilaporkan menyerang tanaman sawit di negara Afrika dan Amerika Selatan/Tengah kecuali penyakit RPB atau juga dikenali sebagai penyakit *Ganoderma* yang serius menyerang tanaman sawit di Asia Tenggara, terutama Malaysia dan Indonesia. Beberapa siri persidangan antarabangsa mengenai bahaya penyakit dan perosak utama sawit telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia yang dianjurkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), iaitu pada tahun 2004, 2009 dan 2011.

Penyakit *Ganoderma* adalah penyakit utama sawit di Malaysia. Menurut bancian dijalankan MPOB pada tahun 2009 dan 2010, didapati kejadian penyakit *Ganoderma* adalah 3.71 peratus dan ini membabitkan kawasan tanaman sawit seluas 59,148 hektar. Ini mengakibatkan kerugian pendapatan negara yang dianggarkan sebanyak RM1.8 bilion. Kejadian penyakit lain seperti reput batang atas, reput tandan, reput pangkal arang, reput batang basah, kulapuk jelaga, bintik algae dan penyakit bintik kuning OS-CCCVd. Pengurusan penyakit tanaman sawit penting untuk meningkatkan hasil dan mutu pengeluaran sawit. Pengurusan penyakit yang baik dan berkesan dibangunkan daripada hasil penyelidikan berterusan. Pemahaman jelas tentang sesuatu penyakit membolehkan kaedah pencegahan dan pengawalan yang baik dibentuk. Penyelidikan berterusan ini memerlukan komitmen yang tinggi dari penyelidik, industri dan juga Kerajaan.

MPOB sebagai peneraju penyelidikan sawit menubuhkan satu unit berdedikasi untuk menjalankan penyelidikan penyakit *Ganoderma* dan penyakit sawit lain, termasuk penyakit eksotik. Unit *Ganoderma* dan Penyakit Sawit (GANODROP) ditubuhkan pada April 2011.

MPOB melalui Unit GANODROP merangka pelan menangani penyakit *Ganoderma* iaitu dengan memperkalkan Pengurusan *Ganoderma* Bersepadu (Integrated *Ganoderma* Management) (IGM) yang merangkumi aspek biologi dan epidemiologi, kaedah pengesanan awal, kawalan dan pengurusan *Ganoderma* di ladang, kawalan dan pengurusan di kawasan tanaman semula, ejen kawalan biologi, bahan tanaman sawit tahan penyakit *Ganoderma*, projek genom *Ganoderma* dan kajian impak ekonomi penyakit tersebut. Antara projek dijalankan adalah kajian penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk menentukan kejadian dan penyebaran penyakit *Ganoderma*, kajian pengesanan awal menggunakan teknik DNA molekular, kajian kawalan *Ganoderma* menggunakan racun kimia, pembangunan ejen kawalan biologi seperti Trikodermata, mikoriza, bakteria endofitik, kulat endofitik dan aktinomiset.

MPOB juga menubuhkan Pasukan Petugas penyakit Bintik Oren-Coconut *Cadang-Cadang Viroid* (OS-CCCVd) varian untuk menangani isu pergerakan bahan tanaman sawit di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang terjejas disebabkan keperluan penyaringan bahan-bahan tanaman terhadap varian CCCVd sawit. Melalui beberapa siri mesyuarat, bengkel dan perbincangan, regulasi kuarantin berkenaan ditarik balik buat sementara sehingga Disember 2013 untuk membolehkan MPOB bersama institusi kajian tempatan menjalankan kajian yang penting mengenai penularan penyakit OS-CCCVd. Menyedari ancaman kemasukan penyakit eksotik dari negara luar, MPOB berganding bahu dengan Jabatan Pertanian bagi membangunkan Pelan Biosekuriti Industri Sawit. Pelan Biosekuriti Penyakit yang sedang dibangunkan ini diharap dapat mengukuhkan lagi sistem sedia ada bagi mencegah kemasukan penyakit sawit dari negara luar dan juga mencegah penyebaran penyakit sedia ada bagi memastikan industri sawit dapat terus menjadi nadi penggerak ekonomi utama negara.

MPOB tawar teknologi untuk usahawan PKS



TAN SRI Bernard Dompok melihat produk makanan berasas sawit yang ditawarkan untuk pengkomersialan. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri) dan Timbalan Ketua Pengarah MPOB (Perkhidmatan) Ahmad Sidek Stroo (tiga dari kiri).

Seminar Pemindahan Teknologi dedah peluang perniagaan

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KOTA KINABALU: Lebih 30 teknologi berasaskan sawit hasil penyelidikan MPOB ditawarkan untuk pengkomersialan kepada usahawan syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sempena Seminar Pemindahan Teknologi yang diadakan di Hotel Magellan Sutera di sini baru-baru ini.

Seminar Pemindahan Teknologi bagi Perusahaan Kecil Sederhana itu julung kali diadakan di negeri Sabah anjuran MPOB bagi memberi peluang dan pendedahan mengenai peluang perniagaan melalui pengkomersialan teknologi kepada usahawan PKS.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok semasa berucap merasmikan Seminar itu berkata Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan agensi di bawahnya akan memberi tumpuan khas untuk meningkatkan keupayaan usahawan PKS dalam meneroka peluang untuk mengembangkan perniagaan.

Usaha ini meliputi penyediaan peluang-peluang perniagaan melalui peng-

komersialan teknologi yang dibangunkan hasil daripada penyelidikan oleh agensi seperti MPOB.

“Selain itu MPOB turut menawarkan kepakaran teknikal dan kemudahan penyelidikan termasuk inkubator serta loji rintis bagi pemindahan teknologi kepada usahawan.”

“Usahawan PKS perlu merebut peluang yang disediakan dengan menjalin kerjasama dan membentuk perkongsian pintar dengan MPOB bagi memanfaatkan kepakaran tersebut.”

Tan Sri Bernard Dompok berkata teknologi-teknologi MPOB yang ditawarkan kepada syarikat dan usahawan PKS itu adalah bersesuaian dengan keupayaan modal dan kapasiti syarikat PKS.

Antara teknologi yang ditawarkan itu adalah teknologi mekanisasi ladang, pengeluaran produk biojisim, teknologi makanan, produk kosmetik, penjagaan diri dan bahan pencuci berasaskan sawit yang amat berpotensi untuk dimajukan oleh usahawan PKS.

Beliau berkata, sektor PKS adalah komponen penting dalam ekonomi negara yang meliputi 99.2 peratus daripada jumlah keseluruhan perniagaan domestik dan menyumbang kepada pendapatan eksport negara.

Peningkatan keupayaan industri PKS turut diberi penekanan dalam pelaksanaan Model Ekonomi Baru (MEB) termasuk pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian bagi tempoh 2011 hingga 2020.

Peranan PKS dalam menjana ekonomi negara adalah penting sebagai enjin pelaburan domestik, peneraju ekonomi negara yang melangkaui peringkat serantau dan dunia.

Beliau yakin dengan pembabitan dan sokongan agensi kerajaan serta bantuan dan pembiayaan modal oleh institusi kewangan, usahawan PKS mempunyai keupayaan dan berdaya maju untuk mengembangkan perniagaan.

Pada majlis tersebut seramai 28 peserta yang lulus Intensive Diploma in Oil Palm Management (IDOPMT) anjuran MPOB di bawah naungan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMP-PAK) menerima diploma masing-masing daripada Tan Sri Bernard Dompok.

Beliau juga turut menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara MPOB dan Utusan Borneo bagi pembaharuan penerbitan Utusan Sawit bersama akhbar Utusan Borneo untuk edaran di Sabah dan Sarawak.

Dasar Komoditi Negara 2011-2020 dilancar

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KOTA KINABALU: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, baru-baru ini melancarkan Dasar Komoditi Negara (DKN) bagi tempoh 2011-2020 yang menyediakan kerangka dan strategi meningkatkan daya saing industri komoditi.

Pelancaran itu dilakukan sempena

majlis Malam Media Komoditi MPIC menggariskan tujuh (7) teras utama bagi memacu pertumbuhan sektor komoditi membabitkan sawit, getah, kayu-kayuan, koko, tembakau, kenaf dan sagu.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, tujuh teras utama itu adalah Memperkasa Industri Komoditi Dalam Pembangunan Ekonomi Negara; Memacu Pemodenan Industri Komoditi; Mempelbagai Penghasilan Produk Bernilai Tambah Tinggi;

Menjana Sumber Pendapatan Baru; Meningkatkan Daya Saing dan Memperluas Pasaran; Memajukan Pekebun Kecil dan Usahawan; dan Membangun dan Memperkasakan Modal Insan.

Setiap komoditi mempunyai fokus yang khusus bagi memantapkan pembangunan sektor masing-masing. Sektor sawit contohnya, tumpuan adalah memperkukuh pembangunan industri ini

MPOB anjur bengkel hasil sabun, lilin berasas sawit

Bukti keprihatinan kerajaan bantu rakyat luar bandar

Oleh Norashikin Ahmad
shikin@mpob.gov.my

SABAH: Bengkel penghasilan sabun dan lilin berasaskan sawit telah berlangsung di Penampang pada 18 Februari 2012 anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bersama Pusat Cemerlang P. 174 Penampang dan keesokannya di Rumah Rehat Lohan Ranau anjuran bersama Ahli Parlimen Ranau.

Ini merupakan satu bukti keprihatinan kerajaan menerusi agensi-agensinya bagi membantu rakyat kawasan luar bandar khususnya mereka yang inginkan ilmu kemahiran dan pengetahuan baru yang boleh membantu meningkatkan so-

sioekonomi keluarga.

Sesungguhnya, bengkel setengah hari itu telah menarik perhatian penduduk tempatan seramai 53 orang di Penampang dan 41 orang di Ranau yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal, suri rumah dan kakitangan kerajaan termasuk beberapa orang pelajar. Bengkel ini diadakan bagi memberi pengetahuan asas tentang cara-cara membuat sabun dan lilin.

Pengarah Bahagian Kemajuan Teknologi Oleokimia MPOB, Dr Hazimah Abu Hassan di dalam pembentangan kertas kerja beliau telah menghebahkan kepada para peserta beberapa teknologi dan produk yang telah dibuat kajian dan dibangunkan oleh pegawai-pegawai

penyelidik MPOB terutama di dalam sektor hiliran yang berkaitan dengan industri oleokimia.

Kertas kerja kedua, "Penghasilan Sabun: Peluang Perniagaan untuk PKS" dibentangkan oleh Norashikin Ahmad (MPOB) dan kertas kerja ketiga bertajuk "Prospek Pembuatan Lilin Berasaskan Sawit" oleh Dr Lim Wen Hwei juga dari MPOB. Dua naskah buku berkaitan pembuatan sabun dan lilin turut diedarkan kepada para peserta.

Selepas sesi pembentangan kertas kerja, para peserta dibahagikan kepada dua kumpulan untuk diberi peluang mengikuti demonstrasi membuat sabun dan lilin di bawah bimbingan para pegawai MPOB. Peserta cukup berpuas hati dan be-



TAN Sri Bernard Dompok menyampaikan sijil kepada peserta. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May.

rasa seronok mengikuti bengkel yang julungkali diadakan dan berharap MPOB dapat meneruskan lagi bengkel seumpama ini di masa akan datang.

Majlis berakhir dengan penyampaian sijil penyertaan kepada peserta yang disempurnakan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok bersama Puan Sri Diana Dompok yang juga Penasihat Pusat

Cemerlang P.174 Penampang. Manakala di Ranau, majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Siringan Gubat, Ahli Parlimen Ranau.

Ketua Wilayah MPOB Sabah, Haji Zainal Shafie dan Penyelaras bengkel yang juga Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Puan Georgina George juga hadir untuk memeriahkan aktiviti bengkel berkenaan.

Eksport komoditi 2011 cecah RM141.2 bilion

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KERATONG: Eksport produk berasas komoditi mencecah RM141.2 bilion pada 2011 meningkat 23.7 peratus berbanding RM114.2 bilion pada 2010, kata Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin.

Daripada jumlah itu, industri sawit menyumbang sebanyak RM83.4 bilion iaitu 59.1 peratus daripada keseluruhan pendapatan eksport komoditi pada 2011.

Ini disusuli sektor getah dengan pendapatan eksport sebanyak RM32.4 bilion (22.9%), sektor kayu-kayuan sebanyak RM19.8 bilion (14.1%) dan selebihnya adalah daripada sektor koko sebanyak RM4.2 bilion (2.9%), diikuti tembakau RM1.1 bilion (0.8%) dan lada sebanyak RM284 juta (0.2%).

Datuk Hamzah berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Penganugerahan Ke-11 Sijil Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) Sesi September 2011 di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) Keratong, di sini baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Strategik dan Penguurusan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Mohd Sanuri Shahid.

Turut hadir: Timbalan Ketua Pengarah MPOB (Perkhidmatan), Ahmad Sidek Stroo dan Ketua Pejabat PLASMA Keratong, Solah Deraman.

Beliau berkata, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan memberi perhatian penting terhadap peningkatan kapasiti bagi memantapkan kemajuan industri sawit negara.

Usaha ini termasuk peningkatan bidang latihan dan pembangunan

modal insan yang meliputi program pembangunan sumber manusia bagi memenuhi keperluan penyediaan guna tenaga terlatih dalam sektor perladangan komoditi.

Tenaga kerja yang berpengetahuan dan terlatih dalam teknik dan aplikasi teknologi moden akan menjamin kecekapan industri bagi menjana peningkatan produktiviti dan peningkatan daya saing industri di pasaran global.

Datuk Hamzah berkata industri sawit perlu meningkatkan penggunaan mekanisasi bagi mengganti tenaga buruh untuk meningkatkan produktiviti sejajar matlamat peningkatan pendapatan sektor sawit.

Penggunaan mekanisasi disamping amalan agronomi baik menghasilkan impak berkesan kepada peningkatan produktiviti sawit.

Justeru, Kementerian melalui MPOB mewujudkan Pusat Penjenteraan Ladang untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan bagi merekacipta dan menjalankan pengubahsuaian jentera serta peralatan kegunaan di ladang sawit.

Sehingga kini, katanya, 30 jentera berjaya dibangunkan dan digunakan oleh syarikat perladangan sawit. Antaranya jentera pemungut tandan mekanikal (Grabber), alat pengutip buah sawit relai, treler motosikal, jentera pelbagai guna, penuai buah sawit bermotor (Cantas) dan terbaru BELUGA, iaitu jentera kompak bertrek getah yang sesuai digunakan di tanah gambut.

Menyentuh penganjuran Kursus Operator Mekanisasi Ladang adalah pendekatan bagi menangani isu keberagantungan kepada tenaga kerja asing dalam sektor perladangan dengan membuka peluang kepada remaja tempatan menceburi kerjaya di sektor perladangan sawit, katanya.



TAN Sri Bernard Dompok membuka buku Dasar Komoditi Negara 2011-2020 selepas pelancaran. Turut kelihatan Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim, M. Nagarajah (kanan) dan Mohd Sanuri Shahid (kiri).

Imej pengeluaran produk komoditi ditingkat

► DARI MUKA 2

melalui peningkatan aktiviti di keseluruhan rantaian nilai, termasuk penghasilan produk baru bagi kegunaan makanan dan bukan makanan.

Bagi sektor getah, pembangunan akan terus dimantapkan, terutama di sektor hulu bagi menyokong keperluan bahan mentah sektor hiliran untuk penghasilan produk berasaskan getah.

Beliau berkata pelaksanaan DKN dijangka meningkatkan hasil pendapatan eksport produk berasas komoditi ke paras RM242.6 bilion menjelang tahun 2020 melalui purata kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.9 peratus.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan menyusul pelaksanaan strategi DKN dengan menubuh Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Khusus bagi setiap komoditi.

"Jawatankuasa ini akan merancang dan memantau pelaksanaan strategi di samping mengkaji semula pelan tindakan dengan me-

ngambil kira senario perubahan ekonomi dunia.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, selain itu usaha meningkatkan imej pengeluaran produk komoditi dari prospek kemampunan akan diutamakan. Ini termasuk menggalakkan industri menyertai persijilan kemampunan seperti RSPO dan mengamalkan kod pertanian baik.

"Langkah ini akan berupaya menangani persepsi negatif mengenai pembangunan industri komoditi yang dikatakan mengancam habitat hidupan liar seperti orang utan," katanya.

Langkah ini berupaya memenuhi keperluan dan spesifikasi pasaran antarabangsa terutama di negara Barat yang lebih mementingkan produk komoditi yang dihasilkan secara mampan.

Beliau juga menegaskan MPIC akan meneruskan usaha pemantauan dan perundingan bagi memastikan produk komoditi tidak terjejas dengan peraturan yang tidak berasas.

Contohnya baru-baru ini United States Environmental Protection

Agency (US EPA) mengatakan bio bahan api berasas sawit mempunyai penjimatan gas rumah hijau (GHG) hanya 17 peratus dan tidak melepasi tahap kelayakan 20 peratus bagi kegunaan di Amerika Syarikat di bawah Renewable Fuel Standard.

"Kita akan membentangkan fakta kajian yang dihasilkan oleh MPOB yang mendapati bio bahan api berasas sawit mempunyai penjimatan GHG sebanyak 50 peratus. Angka ini boleh mencapai 70 peratus dengan adanya kemudahan pemerangkapan gas metana di kilang sawit, katanya.

Beliau juga menjelaskan Menteriannya akan meneruskan program meningkatkan pendapatan pekebun kecil komoditi. Ini termasuk bantuan tanam semula dan baru serta khidmat nasihat bagi meningkatkan amalan pertanian baik.

"Usaha bagi menggalakkan pekebun kecil mengguna teknologi dan inovasi baru di samping menggalakkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana berasas komoditi akan turut dipertingkatkan, katanya.



Majlis Makan Malam dan Penyampaian Anugerah MPOB 2011

MPOB Transformasi Gemilang



TAN Sri Bernard Dompok (enam dari kanan) bersama Dato' Hamzah Zainudin (enam dari kiri), Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad (lima dari kiri) dan Datuk Dr Choo Yuen May (lima dari kanan) bersama kumpulan Penyelidik MPOB yang memenangi Anugerah Medal Emas Penyelidikan MPOB 2011.

Projek LCA menang anugerah emas MPOB

Kumpulan pegawai hasil penyelidikan utama alam sekitar

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

BANGI: Projek bertajuk *Life Cycle Assessment (LCA) of Malaysian Oil Palm Products from Mineral Soils Including Palm Biodiesel* terpilih memenangi Anugerah Medal Emas Penyelidikan MPOB bagi 2011.

Anugerah Emas Penyelidikan MPOB yang mula diperkenalkan sejak 1994 itu dianugerahkan kepada individu atau kumpulan yang mempunyai kebolehan menghasilkan produk dan penyelidikan yang cemerlang di MPOB.

Anugerah berkenaan disampaikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok kepada kumpulan pegawai penyelidik yang menjayakan projek itu diketuai sendiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo

Yuen May pada Majlis Makan Malam dan Penyampaian Anugerah MPOB 2011 baru baru ini.

Pegawai penyelidik lain yang menganggotai kumpulan itu adalah Dr Puah Chiew Wei, Dr Halimah Muhamad, Dr Zulkifli Hashim, Dr Vijaya Subramaniam, Dr Tan Yew Ai, Dr Lim Weng Soon, Ahmad Tarmizi Mohammed, Wahid Omar, Dr Chan Kok Weng, Dr Chong Chiew Let dan Dr Ma Ah Ngan.

Selain piala pusingan, kumpulan itu menerima hadiah wang tunai berjumlah RM15,000, medal emas dan sijil penghargaan.

Projek LCA bagi industri sawit adalah alat untuk menilai beban alam sekitar yang dikaitkan dengan produk, proses, aktiviti bagi mengenali pasti dan mengukur tenaga, bahan yang digunakan dan sisa yang dilepaskan ke alam sekitar.

Kumpulan itu berjaya mengha-

silkan LCA untuk seluruh rantaian pengeluaran dari sektor hulu dan hiliran industri sawit merangkumi pengekstrakan dan pemprosesan bahan mentah, pembuatan, pengangkutan dan pengagihan, penggunaan, penggunaan semula, penyenggaraan, kitar semula dan pelupusan akhir.

Bagi industri sawit, LCA memainkan peranan dengan menyediakan butiran terperinci dan data inventori kesan alam sekitar yang berpunca daripada aktiviti dan proses sepanjang rantaian bekalan minyak sawit.

Melalui maklumat itu, mudah bagi pihak industri melakukan pembaikan dan meningkatkan kemampuan. Maklumat itu juga boleh digunakan sebagai rujukan kepada industri sawit Malaysia khususnya bagi pengurusan alam sekitar.

Program latihan pekerja tempatan ditingkat

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

MUADZAM SHAH: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan meningkatkan program latihan melahirkan tenaga kerja tempatan terlatih bagi menangani masalah kebergantungan kepada pekerja warga asing dalam sektor perladangan.

Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad berkata demikian semasa berucap pada Majlis Penganugerahan Sijil Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) Sesi September 2011 di sini baru baru ini.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo. Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Strategik dan Pengurusan MPIC, Mohd Sanuri Shahid mewakili Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin.

Seramai 70 pelatih KOML tahap 1 dan 50 pelatih tahap 2 Sesi September 2011 menamatkan kursus dan menerima sijil masing-masing dari Mohd Sanuri Shahid pada majlis berkenaan.

Ahmad Sidek Stroo berkata bilangan pekerja tempatan yang bekerja di sektor perladangan sawit pada masa kini adalah 25 peratus daripada

jumlah kira-kira 400,000 orang pekerja. Selebihnya adalah terdiri dari pekerja warga asing.

Sejajar dengan seruan kerajaan bagi melahirkan tenaga kerja mahir tempatan, MPOB menawarkan Kursus Operator Mekanisasi Ladang kepada golongan belia tempatan untuk mereka menceburi kerjaya di sektor perladangan.

Kursus ini menyediakan program latihan bagi melatih golongan belia mempelajari dan mendalami teknologi jentera perladangan, penyelenggaraan jentera dan peralatan pertanian bagi sektor perladangan khususnya perladangan sawit.

Ahmad Sidek Stroo juga mengesahkan syarikat perladangan dan pe-

INFO

Anugerah lain yang turut disampaikan pada Majlis Makan Malam dan Penyampaian Anugerah MPOB 2011

■ Anugerah Penerbitan Terbaik 2011

■ Anugerah Penerbitan Terbaik Keseluruhan 2011
- (Novel Tocotrienol-Entrapping Vesicles Can Eradicate Solid Tumors - After Intravenous Administration)

■ Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Piala Pusingan Ketua Pengarah
- (Orange Spotting - Coconut Kadang- Kadang Viroid (OSCCVd))

■ Anugerah kecemerlangan Sains Piala Pusingan Ketua Pengarah
- (Optimising Pilot Scale Fedbatch Production & Formulation of Indigenous - Bt (MPOB Bt1) for Biological Control of Bagworms and Nettle Caterpillars)

MPOB berperanan mempromosikan kesedaran alam sekitar dan menggesa pihak industri sawit mengamalkan pendekatan LCA sebagai alat bagi menyumbang kepada kemampuan industri.

Bio bahan api B5 hasil penyelidikan, percubaan MPOB

TANJUNG KARANG: Pelaksanaan program Bio bahan api B5 adalah berteraskan penyelidikan MPOB dalam bidang bahan api berasaskan sawit yang mula dibangunkan sejak awal 80an melalui pelbagai proses penyelidikan dan percubaan.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May berkata, penyelidikan dalam bidang minyak sawit mendapati bahawa minyak sawit boleh dijadikan bahan api untuk menggerakkan jentera dan selamat digunakan dalam enjin.

"Kajian penggunaan biodiesel sawit telah dijalankan bersama Mercedes Benz, Jerman dari 1990 hingga 1994 membuktikan bahawa penggunaan biodiesel sawit sesuai digunakan untuk enjin diesel" katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Penggunaan B5 Untuk Sektor Perikanan, Wilayah Tengah di Tanjung Karang, Selangor baru-baru ini.

Di bawah Strategi Kepelembagaan Lima Bahan Api (Five Fuel Diversification Strategy), Kerajaan Malaysia pada 2006 telah melancarkan Dasar Biobahan Api Negara (National Biofuel Policy) yang menyediakan kerangka bagi membangunkan biobahan api khususnya yang berasaskan minyak sawit di negara ini.

Datuk Dr Choo berkata, sebelum dilaksanakan secara komersial, MPOB menggunakan B5 secara percubaan meliputi kenderaan agensi kerajaan.

Sejak 2009, kenderaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Angkatan Tentera Malaysia dan Jabatan Kerja Raya Selangor terbahagi dalam penggunaan B5 secara percubaan. B5 adalah adunan 5 peratus metil ester sawit dengan 95 peratus diesel petroleum.

Kajian penghasilan dan penggunaan biodiesel minyak sawit telah membawa kepada pengkomersialan teknologi pengeluaran biodiesel. Teknologi pertama dikomersialkan adalah dengan pembinaan kilang pengeluaran biodiesel pada 2006.

"Kini terdapat enam kilang biodiesel sawit komersial yang dibangunkan menggunakan teknologi MPOB termasuk yang dibangunkan di negara Korea dan Thailand," katanya.

MPOB juga membangunkan teknologi pengeluaran biodiesel sawit gred musim sejuk yang telah dikomersialkan dengan pembinaan tiga (3) buah kilang biodiesel dalam negara.

"Biodiesel ini memenuhi keperluan kualiti mengikut spesifikasi biodiesel antarabangsa, iaitu ASTM D6751 dari Amerika Syarikat dan EN 14214 dari Eropah.

Beliau berkata, penggunaan bio bahan api B5 telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada Jun 2011 di Putrajaya dan diperluaskan ke seluruh negeri Wilayah Tengah iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

MPOB, UMMC dan PMCC Australia bincang penyelidikan bersama

Kerjasama rawatan barah menggunakan tokotrienol

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim
aznizan@mpob.gov.my

MELBOURNE: Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad mengetuai delegasi dari MPOB dan University Malaya Medical Centre (UMMC) di dalam perbincangan meja bulat bersama pakar-pakar dari Peter MacCallum Cancer Centre (PMCC) yang diadakan pada 20 Februari lalu.

PMCC adalah sebuah hospital barah awam yang terkenal di Australia. Hospital ini adalah pemacu kepada pelbagai disiplin rawatan barah dan terkenal di peringkat antarabangsa sebagai peneraju kepada penyelidikan makmal, klinikal dan peralihan (translational).

Perbincangan memfokuskan kepada bagaimana MPOB dan PMCC boleh bekerjasama dalam rawatan

barah menggunakan Vitamin E dari minyak sawit yang dinamakan tokotrienol.

Dato' Seri Utama Shahrir berkata, saya percaya sains ialah satu rangkaian unggul. Ia adalah satu cara berkomunikasi menggunakan bahasa yang sama di antara komuniti dan antara dua buah negara



Saya amat percaya minyak sawit mampu menjadi penyumbang kepada bidang perubatan dan keselamatan makanan

Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad
Pengerusi MPOB

walaupun terdapat perbezaan di antara komuniti dan negara-negara terbabit.

"Melalui sainslah pertukaran maklumat, idea dan bukti dapat dilakukan. Saya amat percaya minyak sawit mampu menjadi penyumbang kepada bidang perubatan dan keselamatan makanan," katanya.

Sebagai langkah permulaan bagi meningkatkan lagi nilai tokotrienol untuk kegunaan industri dan untuk mengembangkan pasarnya di kalangan pengguna, MPOB dan UMMC akan bekerjasama dengan para pakar dari PMCC untuk menjalankan kajian pengimejan untuk Fasa II metastatic barah payudara selepas kajian penerokaan ke atas pelabelan tokotrienol dijalankan.

Turut serta dalam delegasi itu, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.



Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad (kiri) diberi penerangan oleh Profesor Rodney Hicks, Pengarah Pengimejan Barah, Peter MacCallum Cancer Centre (kanan). Turut kelihatan Dr Ahmad Kushairi Din.

Faktor hujan berlebihan punca pengeluaran minyak sawit mentah merosot

Oleh Norihan Husain
norihan@mpob.gov.my

KELANA JAYA: Pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) pada Januari 2012 adalah 1.29 juta tan, merosot 13.9 peratus atau 207,180 tan berbanding 1.49 juta tan dicatat pada Disember 2011.

Penurunan pengeluaran seperti dijangka berikutan hujan berlebihan awal Januari dan juga kerja penuaian terganggu disebabkan pekerja terutama peniaga buah yang bercuti menyambut Tahun Baru Cina.

Stok minyak sawit juga merosot 2.01 juta tan dan mengalami penurunan empat bulan berturut-turut sejak September 2011. Pengeluaran MSM juga mengalami penurunan tiga bulan berturut-turut sejak Oktober 2011 turut menyumbang kepada pengurangan stok ini.

Eksport minyak sawit Januari 2012 juga merosot kepada 1.38 juta tan berbanding 1.59 juta tan yang direkod pada bulan sebelum. Ini disebabkan pengurangan eksport ke pasaran utama seperti Republik Rakyat China, Kesatuan Eropah, Pakistan dan India.

Eksport China berkurangan disebabkan peningkatan import kacang soya dari Amerika Syarikat manakala bekalan minyak sawit mencukupi menyebabkan Kesatuan Eropah dan Pakistan mengurangkan pengimportan minyak sawit Malaysia. Bekalan minyak soya tempatan berlebihan menyebabkan India mengurangkan import minyak sawit Malaysia.

Harga MSM meningkat 4.1 peratus atau RM125 kepada RM3,182.50 berbanding RM3,057.50 yang dicatat pada Disember 2011. Harga purata buah sawit Januari 2012 RM687, iaitu 3.5 peratus lebih tinggi berbanding RM664 bulan sebelumnya.

Prestasi Industri Minyak Sawit Malaysia, Januari 2012

	DISEMBER 2011 (r)	DISEMBER 2012 (p)	PERBEZAAN	
			JUMLAH	(%)
PENGELUARAN (Tan)				
MINYAK SAWIT MENTAH				
Semenanjung Malaysia	769,854	662,654	(107,200)	(13.92)
Sabah	492,259	417,903	(74,356)	(15.11)
Sarawak	232,261	206,637	(25,624)	(11.03)
Jumlah	1,494,374	1,287,194	(207,180)	(13.86)
ISIRONG SAWIT	382,435	336,421	(46,014)	(12.03)
MINYAK ISIRONG SAWIT MENTAH	189,812	152,251	(37,561)	(19.79)
HAMPAS ISIRONG	210,336	168,612	(41,724)	(19.84)
STOK (Tan)				
MINYAK SAWIT MENTAH				
Semenanjung Malaysia	431,231	396,298	(34,933)	(8.10)
Sabah	445,279	455,026	9,747	2.19
Sarawak	189,781	187,504	(2,277)	(1.20)
Jumlah	1,066,291	1,038,828	(27,463)	(2.58)
MINYAK SAWIT PROSES				
Semenanjung Malaysia	578,622	549,686	(28,936)	(5.00)
Sabah	311,688	294,157	(17,531)	(5.62)
Sarawak	101,799	125,296	23,497	23.08
Jumlah	992,109	969,139	(22,970)	(2.32)
JUMLAH MINYAK SAWIT				
Semenanjung Malaysia	1,009,853	945,984	(63,869)	(6.32)
Sabah	756,967	749,183	(7,784)	(1.03)
Sarawak	291,580	312,800	21,220	7.28
Jumlah	2,058,400	2,007,967	(50,433)	(2.45)
ISIRONG SAWIT	125,327	122,687	(2,640)	(2.11)
MINYAK ISIRONG SAWIT MENTAH	197,974	185,501	(12,446)	(6.29)
MINYAK ISIRONG SAWIT PROSES	176,286	146,031	(30,255)	(17.16)
JUMLAH MINYAK ISIRONG SAWIT	374,233	331,532	(42,701)	(11.41)
HAMPAS ISIRONG SAWIT	302,318	275,997	(26,321)	(8.71)
EKSPORT				
MINYAK SAWIT	1,590,863	1,381,315	(209,548)	(13.17)
MINYAK ISIRONG SAWIT	126,543	97,987	(28,555)	(22.57)
HAMPAS ISIRONG SAWIT	228,647	204,930	(23,718)	(10.37)
OLEOKIMIA	208,710	200,442	(8,268)	(3.96)
BIODIESEL	405	5,089	4,684	1,156.63
IMPORT (Tan)				
MINYAK SAWIT MENTAH	126,778	167,487	40,708	32.11
MINYAK SAWIT PROSES	19,893	41,922	22,028	110.73
MINYAK SAWIT	146,672	209,408	62,737	42.77
JUMLAH MINYAK ISIRONG SAWIT	37,302	32,567	(4,735)	(12.69)
HARGA				
BUAH TANDAN SEGAR	664.00	687.00	23.00	3.5
MINYAK SAWIT MENTAH	3057.50	3182.50	125.50	4.1
MINYAK ISIRONG SAWIT MENTAH	4098.50	4151.50	52.50	1.3



Malaysia-Indonesia tingkat kerjasama

Bersama awasi perkembangan Pindaan Rang Undang-undang Piawaian Pemakanan 2010

Oleh Norfadilah Hashim
dan Ali Zulhusni Ali Nordin
dila@mpob.gov.my,
alizulhusni@mpob.gov.my

YOGYAKARTA: Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Malaysia-Indonesia Dalam Bidang Komoditi (SWGPO) kali ke-15 telah diadakan baru-baru ini bertempat di Hotel Grand Aston, Yogyakarta pada 15-16 Februari, 2012.

Delegasi Malaysia seramai 17 orang telah diketuai oleh Ketua Pengarah, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo

Yuen May. Turut serta pegawai dari Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), pegawai MPOB, Jabatan Peguam Negara (AGC), pegawai MIDA dan wakil industri sawit (MPOA dan MPOC).

Delegasi Indonesia pula seramai 37 orang diketuai oleh Pengarah Pembangunan Pasaran Antarabangsa, Kementerian Pertanian Indonesia, Ir. Mesah Taringan dan wakil-wakil dari Kementerian, agensi Kerajaan dan juga pihak industri sawit Indonesia.

Dalam Mesyuarat kali ini, kedua-

dua negara bersetuju menggandakan usaha secara bersama serta mengawasi perkembangan Pindaan Rang Undang-undang Piawaian Pemakanan 2010 (Pelabelan bagi minyak sawit sebagai produk mapan dalam produk makanan) di Australia.

Bagi memperkukuhkan usaha dalam menangani kempen anti minyak sawit, Malaysia-Indonesia bersetuju untuk bertukar maklumat dan data penyelidikan yang dijangka khususnya berkaitan isu "Notice of Data Availability" (NO-DA) dalam Program "Renewable

Fuel Standard 2" (RFS2).

Kedua-dua negara juga bersetuju untuk mempercepatkan usaha bagi mencapai pendirian bersama mengenai "Renewable Energy Directive" Negara Kesatuan Eropah (EU RED) dan isu-isu peraturan World Trade Organisation (WTO). Dalam masa yang sama Malaysia-Indonesia akan memantau tahap sekatan terhadap eksport bio-bahanapi ke Negara Kesatuan Eropah (EU).

Mesyuarat juga turut membincangkan kesan pelaksanaan cukai eksport ke atas produk sawit oleh

Kerajaan Indonesia ke atas perkembangan industri hiliran sawit di Malaysia. Indonesia mengambil maklum atas kesan tersebut dan akan memanjangkan perkara tersebut kepada kementerian yang bertanggungjawab terhadap cukai eksport iaitu Kementerian Perdagangan dan Kementerian Kewangan, Indonesia.

Di akhir Mesyuarat kerjasama Dua-hala ini, kedua-dua negara menyatakan kesediaan dalam membekalkan komitmen penuh untuk memastikan hubungan dua-hala ini akan berterusan.

TAWARAN HEBAT

SKIM DISKAUN CANTAS™ (SKIDIC)



JIMAT RM1000!!!!
Untuk setiap unit pembelian Pemotong Sawit Bermotor (Cantas™)

KEGUNAAN CANTAS™

Untuk menuai tandan dan memotong pelepah sawit serta terbukti amat berkesan meningkatkan keberkesanan penuaian.

KEBAIKAN CANTAS™

- **Pantas** – masa bekerja yang cepat, dapat menuai lebih banyak tandan sawit dan boleh melakukan kerja-kerja lain serentak.
- **Jimat Tenaga** – tidak melelahkan dan dapat memanjangkan masa bekerja.
- **Mudah** – mampu dikendalikan oleh wanita dan warga emas.
- **Bergaya** – boleh menarik minat anak muda untuk bekerja di ladang sawit.
- Meningkatkan produktiviti penuaian.
- Meningkatkan pendapatan bagi yang mengambil upah persendirian.
- Boleh menjadi kontraktor mengambil upah menuai di kebun orang lain.

SIAPA YANG LAYAK?

1. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap.
2. a. Bagi pekebun kecil/persendirian yang menuai kebun sendiri, minimum keluasan penuaian adalah 2 ha.
b. Bagi penuai persendirian/peniaga/kontraktor yang memberi khidmat penuaian di kebun sawit milik pekebun-pekebun kecil* jumlah keluasan minimum ialah 20 ha** atau menuai di kebun sawit yang dimiliki oleh tidak kurang 10 pekebun kecil atau keluasan yang munasabah bergantung kepada persekitaran, lokasi dan topografi atau sebab-sebab lain yang diputuskan oleh MPOB. Bagi yang menuai ladang syarikat swasta/eslet, jumlah keluasan minimum adalah 50 ha @ 1 unit Cantas™.
3. Lot-lot yang dituai mempunyai lesen MPOB (kecuali peserta rancangan tersusun).

BAGAIMANA MEMOHON?

Permohonan melalui borang boleh dibuat melalui:
Pegawai TUNAS di kawasan anda.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

- Sheilyza Mohd Ishak Tel: 03-8769 4549
- Siti Zulaikha Md Zali Tel: 03-8769 4252. Faks: 03-8925 9446
- atau lawati www.mpob.gov.my



MOHD ZAHIRUL (kiri) dan Mohd Izzat bersama sijil masing-masing selepas Penganugerahan Sijil Kali Ke-11 KOML di PLASMA, Keratong baru-baru ini.

Izzat, Zahirul pelajar terbaik

Oleh Haryani Ngah
aryani@bharian.com.my

SESI pembelajaran menarik di samping berpeluang menggunakan jentera perladangan moden menjadi tarikan bagi Mohd Izzat Mahadi untuk terus mengikuti Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) dianjurkan MPOB selepas tamat sesi kursus tahap pertama tahun lalu.

Kerana minat terhadap kursus disertainya itu, Mohd Izzat merasakan apa yang dipelajarinya bukan sukar, sebaliknya tempoh pembelajaran sepanjang lima bulan dirasakan sungguh bermakna.

Kesungguhan ditunjukkan Mohd Izzat itu membuahkan hasil apabila peserta berusia 22 tahun itu diumumkan sebagai pelajar terbaik KOML tahap 2 Sesi September 2011 yang berakhir pada Februari lalu.

Peserta berasal dari FELDA Ijok, Selama, Perak itu berkata, corak pembelajaran menarik, bermaklumat dengan bimbingan tenaga pengajar berpengalaman ketika mengikuti pengajian di tahap 1, membuatkan Mohd Izzat tidak mahu melepaskan peluang menyambung kursus tahap 2 bagi menambahkan lagi ilmu serta kemahirannya.

"Minat mendalam terhadap kursus dipelajari punca saya memberi tumpuan penuh ketika sesi latihan dijalankan.

"Aktiviti perladangan bukan asing kerana saya berasal dari FELDA dan de-

ngan menyertai kursus ini, saya bukan saja dapat menambah pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ini tetapi membuka peluang mencari pekerjaan yang dapat menjamin masa depan.

"Sebelum ini saya sekadar melihat jentera perladangan seperti traktor saja tapi di sini saya diperkenalkan dan berpeluang menggunakan pelbagai peralatan perladangan yang moden dan ia sangat menarik," katanya yang berharap dapat bekerja dengan mana-mana syarikat perladangan terkemuka.

Bagi pelajar terbaik untuk KOML tahap 1, Mohd Zahirul Sufi Razali, cadangan rakannya supaya mengikuti KOML bagi mempelajari teknik dan asas perladangan memberi pendedahan dan peluang yang boleh diterokai dalam industri sawit.

Mohd Zahirul yang berharap dapat menyambung pembelajaran di tahap 2, berkata ilmu perladangan terutama bidang mekanisasi sawit sangat penting buatnya apatah lagi keluarganya turut memiliki ladang sawit seluas 4.8 hektar di Rembau.

"Sebelum menyertai kursus ini saya bekerja dalam bidang ternakan lembu di Bandar Muadzam Shah dan ia berbeza dengan apa yang saya pelajari di sini.

"Memandangkan keluarga mempunyai kebun sawit, saya akan menggunakan kemahiran diperoleh melalui kursus ini untuk memperluas dan mengusahakan kebun kami pada masa akan datang," katanya.

TUNGGU APA LAGI ?!!
SIAPA CEPAT DIA
DAPAT



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN
DAN KOMODITI

Bebiri baka Barbados Blackbelly sesuai ditenak

Pelapah sawit, rumput sumber makanan ternakan terbaik

Oleh Azran Jaffar
azran@bharian.com.my

BAGI pemilik ladang sawit di kawasan tanah gambut, mempelbagai kegiatan pertanian untuk sumber pendapatan tambahan di kawasan tanah yang dikatakan bermasalah ini mendaatkan sedikit kesukaran.

Disebabkan masalah yang terdapat pada tanah iaitu masam, kandungan nutrien yang rendah, mendap dan aras air tanah yang tinggi menyebabkan hasil sawit di tanah gambut selalunya rendah berbanding dengan tanah mineral.

Keadaan ini menyebabkan pendapatan pemilik ladang tidak setanding rakan mereka yang mengusahakan kegiatan ini di kawasan tanah mineral.

Untuk rekod, sawit yang diusahakan di tanah mineral hasilnya berupaya mencecah sehingga 40 tan sehektar setahun manakala di tanah gambut dalam hasilnya maksimum yang pernah dicapai ialah 29 tan sehektar setahun. Bagaimanapun, tanah gambut yang ditanam sawit masih memberikan pulangan yang lebih baik berbanding tanaman kontan.

Menyedari hakikat ini, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui pasukan penyelidikan integrasi ladang yang diketuai Dr Kamil Azmi Tohiran menjalankan kajian mengenai penggunaan tanah ini bagi membolehkan pemilik ladang memperoleh penda-

patan sampingan yang mampu menyokong pertanian sawit diusahakan.

Untuk itu pasukan yang turut disertai penyelidik, Raja Zulkifli Raja Omar, Wahid Omar dan Mohamad Arfan Johari mendapati, alternatif yang boleh dilakukan adalah integrasi penternakan bebiri baka Barbados Blackbelly.

Dr Kamil Azmi berkata, berdasarkan penyelidikan dijalankan, melalui kegiatan ini peladang mampu memperoleh pendapatan kira-kira RM1,000 sebulan bergantung kepada keluasan tanah.

"Bagi kajian ini kami menjalankan percubaan untuk ladang seluas 10 hektar dengan jumlah ternakan permulaan tiga jantan dan 50 betina. Berdasarkan pelaburan sebanyak RM164,600 kadar pulangan dalaman adalah sebanyak 21 peratus, manakala nilai semasa bersih RM83,946 dengan tempoh pulang modal adalah enam tahun.

"Namun projek ini masih boleh dilaksanakan bagi mereka yang mempunyai keluasan tanah kecil dengan minimum tiga hektar yang mana jumlah bebiri dikurangkan sesuai dengan keluasan dimiliki," katanya.

Katanya, dengan pembabatan peladang dalam kegiatan ini ia mampu mengurangkan kebergantungan negara terhadap daging kambing import.

Pada 2004, negara mengimport daging bebiri sejumlah 10,707 tan dan meningkat kepada 16,303 tan pada tahun 2007.

Bagi menjalankan kegiatan ini, ladang sawit berkenaan seharusnya mempunyai pokok yang berusia lebih lima tahun bagi mengelakkan ia menjadi makanan bebiri yang ditenak. Ternakan dijalankan secara lepas pada waktu siang dan diletakkan di dalam kandang pada waktu malam.

Dari segi pemakanan pula, 60 peratus adalah hasil ragutan di sekitar kawasan ladang dengan 40 peratus lagi makanan tambahan yang berupa pelepah sawit dan rumput gajah. Untuk itu, pemilik ladang harus memperuntukkan sebahagian daripada kawasan ladang untuk tanaman rumput ini.

Berdasarkan model penternakan 10 hektar, keluasan kawasan ragutan adalah 0.16 hektar bagi sehari dengan pusingan 60 hari, bermakna hanya selepas dua bulan kumpulan bebiri berkenaan akan sampai ke kawasan ragut pertama semula, bagi membolehkan kawasan ragut itu mampu membekalkan makanan.

Kawalan ragutan juga perlu dilakukan dengan menggunakan pagar elektrik berkuasa 1.2 kilovolt bagi mengelakkan bebiri peliharaan terdedah kepada rumput tercemar akibat proses meracun di samping peladang perlu mengawal pembiakan paku pakis yang merupakan tumbuhan dominan di tanah gambut.

Kambing baka Barbados Blackbelly yang diimport dari Australia dipilih untuk

projek ini kerana kesesuaiannya terutama di Sabah dan Sarawak kerana di kedua-dua negeri ini terdapat ladang sawit yang diusahakan di kawasan tanah gambut.

Bebiri ini mampu dipasarkan selepas ia mencecah usia satu hingga satu setengah tahun dengan kadar kelahiran kira-kira dua ekor setahun.

Kadar berat bebiri baru lahir adalah 3 kilogram untuk jantan manakala 2.5 kilogram untuk betina.

Purata berat seekor bebiri matang adalah 56.5 kilogram bagi jantan manakala 40 kilogram untuk betina. Kadar

keamatan adalah 10 peratus untuk anak bebiri dan 5 peratus untuk yang berusia tiga bulan ke atas.

Baka Barbados Blackbelly juga adalah bebiri yang mempunyai daya tahan terhadap penyakit yang tinggi.

Kamil Rahim berkata, setakat ini pihaknya ada menerima pertanyaan dari peladang sawit yang berminat menjalankan kegiatan ini dan pihaknya bersedia berkongsi kepakaran.

Namun katanya, pihaknya tidak mampu membekalkan baka bebiri berkenaan dan berharap ada pihak yang berminat menjadi pembekal.



Projek ini masih boleh dilaksanakan bagi mereka yang mempunyai keluasan tanah kecil dengan minimum tiga hektar yang mana jumlah bebiri dikurangkan sesuai keluasan dimiliki

Dr Kamil Azmi Tohiran
Penyelidik



BEBIRI baka Barbados Blackbelly sesuai ditenak kawasan tanah gambut.

**TAWARAN MENYERTAI KURSUS
PENGURUSAN &
PENYELENGGARAAN NURSERI SAWIT
2012**

Orang ramai terutama pengusaha tapak semaian sawit seluruh negara dipelawa untuk menyertai kursus tersebut yang akan diadakan seperti dibawah:

OBJEKTIF KURSUS

- Memberi pengetahuan secara jelas dan mendalam mengenai pengurusan nurseri sawit mengikut piawaian yang ditetapkan.
- Memberi pendedahan tentang keperluan dan standard yang diperlukan oleh pengusaha nurseri sawit bagi memenuhi kriteria Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN).
- Memberi pendedahan tentang peraturan dan perundangan dalam semaian sawit.

SYARAT PENYERTAAN

- Warganegara Malaysia
- Boleh menulis dan membaca Bahasa Malaysia
- Sihat tubuh badan
- Umur tidak kurang 18 tahun

KANDUNGAN KURSUS

Syarahan dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh pensyarah dan jurulatih yang berkelayakan dan pakar dalam tajuk-tajuk berkaitan. Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia.

TAJUK KURSUS ADALAH:

- Aspek Ekonomi Nurseri Sawit
- Pengawalselaan Nurseri Sawit
- Pengurusan Nurseri Sawit
- Kod Amalan Baik Nurseri untuk Nurseri Sawit (CoPN)
- Latihan amali di nurseri sawit bagi mempelajari kaedah pengurusan dan penyelenggaraan nurseri sawit yang betul.

PERTANYAAN

Untuk penyertaan lanjut, sila hubungi:

- Pn Hjh Azizah Lockman**
No. Tel : 03-89267046 atau 03-87694568 Faks : 03-89257549 E-mail : azizah@mpob.gov.my
- Nornadiya Yunus**
No. Tel : 03-8769 4870 Faks : 03-8925 7549 E-mail : nornadiya@mpob.gov.my

TARIX DAN JANGKA MASA KURSUS

**Wilayah Sabah, Sabah
(6-7 Mac 2012)**

**Wilayah Sarawak, Sarawak
(17-18 April 2012)**

**Wilayah Timur/Selatan
(10-11 Julai 2012)**

**Wilayah Utara
(11-12 Sept 2012)**

**Wilayah Tengah
(16-17 Okt 2012)**
(Tertakluk kepada pindaan)

YURAN PENYERTAAN
RM 500. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau bank draft atau kiriman wang pos atas nama **KETUA PENGARAH MPOB.**

BORANG PERMOHONAN
Permohonan hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh didapati di laman web MPOB www.mpob.gov.my.

TARIX TUTUP PERMOHONAN
Tarikh tutup permohonan bagi setiap wilayah adalah dua minggu sebelum kursus bermula.

WWW.mpob.gov.my



Ulasan tuduhan liar terhadap sawit

Kritikan NGO alam sekitar mengandungi fakta salah berhubung amalan perladangan di Malaysia



SEMENJAK kebelakangan ini, beberapa NGO alam sekitar sudah mempertingkatkan kritikan mereka terhadap industri minyak sawit Malaysia. Kebanyakan kritikan mereka ini mengandungi fakta salah dan tuduhan yang tidak bertanggungjawab terhadap amalan perladangan yang diamalkan industri sawit Malaysia.

Tindakan mereka ini mungkin satu langkah terdesak. Memandangkan usaha untuk melindungi hidupan liar merentasi Asia Tenggara semakin meningkat termasuk peningkatan usaha melindungi haiwan liar di Malaysia, NGO ini mesti memutar-belitkan perkara sebenar supaya mereka dapat mengumpul dana daripada penyokong mereka di negara barat yang kebanyakannya tidak mengetahui perkara yang



TOHMAHAN dan kritikan NGO alam sekitar terhadap industri sawit tempatan tidak berasas.

sebenar.

Salah satu daripada NGO ini, Sahabat Alam Malaysia, sudah menuduh industri minyak sawit negara melakukan 'penghapusan be-

sar-besaran' terhadap orang utan. Satu lagi NGO mendakwa industri sawit Malaysia terlibat dalam penebangan hutan secara besar-besaran termasuk kawasan hutan simpan kekal, manakala satu lagi NGO menuntut supaya industri sawit Malaysia menebus 'dosa-dosa' silam mereka dengan menerima pakai 'Polisi Tiada Pembunuhan' (No Kill Policy) untuk melindungi hidupan liar.

Satu-satunya cara para NGO ini boleh membuat tuduhan atau desakan yang sedemikian ialah kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan tepat mengenai bagaimana industri minyak sawit Malaysia beroperasi.

Justeru, perlu untuk kita melihat perkara yang sebenar. Untuk permulaan, umum perlu mengetahui bahawa industri minyak sawit Malaysia berpegang teguh kepada undang-undang yang berkaitan dengan hidupan liar dan penggunaan tanah di Malaysia. Malah, industri sawit Malaysia juga mematuhi undang-undang yang sedemikian di mana-mana sahaja ia menjalankan operasi.

Mematuhi undang-undang yang sudah diwartakan oleh kerajaan berkait rapat dengan nilai-nilai moral dan keberkesanan dalam menjalankan perniagaan – adalah menjadi satu kesalahan yang nyata untuk melanggar undang-undang yang sah di sesebuah negara. Industri sawit negara menyokong sebarang usaha yang dilakukan untuk melindungi warisan semula jadi yang kaya di Malaysia. Malah, beroperasi secara tidak sah adalah satu amalan perniagaan yang bodoh.

Tiada industri yang kecil atau

besar boleh, atau sepatutnya, kekal jika ia melawan kehendak rakyat di sesebuah negara. Industri minyak sawit negara memberi sokongan penuh kepada kehendak rakyat Malaysia dan sebarang usaha yang dilakukan untuk melindungi hidupan liar di seluruh Asia Tenggara.

Disamping tidak menghiraukan rekod industri sawit yang terbukti menghormati undang-undang, pengkritik industri sawit juga mengabaikan banyak fakta lain yang boleh menggugat tuduhan mereka seperti fakta bahawa untuk setiap hektar tanah di Malaysia yang dibangunkan untuk pengeluaran minyak sawit, empat hektar tanah dipulihara sebagai kawasan hutan simpan kekal.

Polisi penggunaan tanah yang berhemah ini menjangkau kepada perlindungan habitat orang utan di Sabah dan Sarawak, dua negeri di Malaysia dengan populasi orang utan boleh ditemui di habitat asal. Di kedua-dua negeri ini, lebih daripada separuh keluasan negeri yang didiami oleh orang utan sudah diwartakan sebagai kawasan hutan simpan kekal.

Disamping itu, industri sawit mempunyai beribu-ribu pekerja yang cintakan negara dan juga menghargai spesies hidupan liar seperti juga aktivis alam sekitar di negara barat.

Ini secara langsung menerangkan mengapa industri sawit Malaysia menjadi peneraju dalam pemuliharaan hidupan liar dan usaha pemuliharaan.

Sebagai contoh, Tabung Pemuliharaan Haiwan Liar Minyak Sawit Malaysia (Malaysian Palm Oil Wildlife Conservation Fund) sudah melancarkan beberapa program ke-

sedaran untuk mendidik orang awam mengenai warisan hidupan liar Malaysia dan melindungi spesies ini dan habitatnya. Semenjak ditubuhkan pada tahun 2006, tabung ini sudah berjaya mengumpul berpuluh-puluh juta ringgit untuk digunakan dalam memulihara khazanah hidupan liar di Malaysia.

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, langkah pemuliharaan orang utan dan habitatnya juga sudah diambil oleh organisasi lain di Malaysia seperti Zoo Melaka yang sudah menunjukkan contoh terbaik.

Dalam satu kenyataan baru-baru ini, Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar Malaysia berkata bahawa tuduhan yang dilemparkan oleh NGO terhadap layanan ke atas orang utan di Zoo Melaka adalah 'tidak berasas'. Ia menyatakan: "Zoo Melaka sudah melepaskan orang utannya ke dalam kawasan pameran secara bergilir-gilir untuk menghalang konflik di antara kumpulan orang utan dari teretus. Oleh itu, semua orang utan diberi peluang sama rata untuk bergerak dengan bebas dalam kawasan pameran."

Mungkin yang paling mendukacitakan mengenai tuduhan yang retorik ke atas industri minyak sawit ialah pengkritik sengaja mengabaikan peranan penting industri sawit dalam meningkatkan ekonomi di Malaysia dan juga Asia Tenggara.

Industri minyak sawit berusaha sepanjang masa untuk memenuhi permintaan tinggi bahan makanan penduduk dunia yang semakin meningkat. Pekerja industri sawit melihat perkara ini sebagai satu usaha kemanusiaan yang penting untuk kesejahteraan sejagat.

Dalam proses ini, industri sawit juga menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan yang sangat diperlukan untuk ribuan lelaki dan wanita di Malaysia dan Indonesia serta ahli keluarga mereka.

Industri minyak sawit sudah lama sedar bahawa ia mempunyai peranan tersendiri di rantau ini. Setiap rakyat yang cintakan negaranya mahu melihat perkembangan ekonomi berkembang pesat seiring usaha pemuliharaan alam sekitar dan hidupan liar di negaranya.

Walaupun banyak tuduhan sudah dilemparkan terhadapnya, industri sawit Malaysia akan tetap menyokong objektif ini seperti yang sudah terbukti melalui sejarahnya yang gemilang dan akan terus berbuat demikian di masa hadapan.

Artikel ini disunting dan diterjemahkan daripada artikel asal yang bertajuk, *My Response to Irresponsible Allegations About Industry Practices Appeared in The STAR Newspaper Today (Responsible Stewardship)*. Sila layari www.ceopalmoil.com untuk mendapatkansalinan asal artikel ini.

KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan, dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menyana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan sumber tenaga dalam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia
Klasik sejati. Papan dan Mawafiq.

Lapan EPP di bawah NKEA sawit

DALAM memacu ekonomi Malaysia kerajaan melalui MPOB dan industri sawit telah mengenal pasti pelaksanaan Projek Permulaan (EPP) di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA). Dengan bermula Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bertujuan menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi yang inklusif dan mampan. Lapan EPP yang tersirat dikategorikan kepada lima EPP di sektor hulu dan tiga EPP di peringkat hiliran seperti huraian yang tersurat.

EPP 1 mempercepatkan penanaman semula sawit dengan menggunakan anak benih berkualiti tertumpu kepada tanaman berumur melebihi 25 tahun dan berhasil rendah dalam tempoh tiga tahun. Peningkatan hasil buah tandan segar juga diunjurkan berupaya menjana pendapatan negara kasar (PNK) di samping menyediakan peluang pekerjaan baru. MPOB akan mewujudkan satu pasukan petugas bagi memantau penanaman semula yang menumpukan kepada pekebun kecil persendirian, pekebun kecil berkelompok dan syarikat perladangan.

EPP 2 mempertingkatkan hasil buah tandan segar (BTS) melalui amalan baik pertanian dengan pelaksanaan empat aktiviti iaitu merekrut 493 pegawai Tunas bagi memastikan liputan perkhidmatan lebih baik kepada pekebun kecil; mengelompokkan semua pekebun kecil persendirian berhampiran kilang kepada pertubuhan koperasi di seluruh Malaysia; menjadikan salah satu rujukan amalan terbaik industri sebagai mandatori kepada semua ladang, pekebun kecil berkelompok dan koperasi pekebun kecil persendirian dan melaksanakan penarafan tahunan koperasi dan pekebun kecil bagi mengenal pasti serta mencontohi amalan terbaik hingga akhirnya memberi perkhidmatan kepada yang berprestasi rendah. Kebanyakan ladang sawit besar di Malaysia melaksanakan sekurang-kurangnya

PEMENANG PERTAMA

Farah Atiqah binti Jamil
(No. K/P: 950124-14-6992)
MRSM Kubang Pasu, 06000
Jitra, Kedah

satu daripada rujukan amalan baik pertanian secara konsisten seperti CoP dan RSPO.

EPP 3 meningkatkan produktiviti pekerja ladang melalui penggunaan mekanisasi. EPP ini memerlukan penggunaan inovatif bagi meningkatkan purata produktiviti proses penuaian dan kutipan buah tandan segar. Bagi menangani kekurangan tenaga buruh, tiga aktiviti teras telah dikenal pasti bagi tujuan tersebut iaitu meningkatkan pengeluaran dan mempromosikan penggunaan Cantas, alat pengasah berlian bertukar kutipan secara manual kepada bantuan kerbau bagi meningkatkan produktiviti kutipan BTS.

EPP 4 untuk meningkatkan kadar perahan minyak (OER) di kilang sawit dengan melaksanakan parameter kawalan kualiti yang ketat dan meningkatkan kecekapan keseluruhan kilang. Kadar perahan minyak (KPM) isirung sawit akan meningkat dengan mengurangkan hampas, kandungan tempurung dan kandungan lembapan di dalam isirung sawit. Ini meningkatkan kualiti perah asak seterusnya dijual sebagai makanan ternakan ayam dan itik.

EPP 5 untuk kilang sawit memprogram biogas dari efluen dalam menghasilkan tenaga dengan memastikan kilang menggunakan gas metana yang dihasilkan untuk menjana elektrik bagi bekalan kepada grid nasional. Setakat ini, hanya 12 kilang di Malaysia telah memulakan pembangunan loji biogas. Bagi membantu pekilang persendirian membiayai pembangunan loji biogas, terdapat Dana Teknologi Hijau sedia ada di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

EPP 6 adalah untuk membangunkan derivatif oleo yang bertujuan menganjakkan pengeluaran nasional daripada oleokimia asas kepada derivatif oleo bernilai tinggi melalui lima aktiviti utama seperti menyokong syarikat derivatif oleo tempatan untuk memperluaskan keluaran tempatan, memberi insentif kepada syarikat tempatan untuk membina loji melalui usaha sama di luar negara, membantu syarikat oleokimia besar menerajui pelaburan alam segmen produk, mengeksploitasi sinergi dengan syarikat petrokimia dan menggalakkan pelabur asing membangunkan kilang atau menjalin usaha sama di Malaysia.

EPP 7 mengkomersialkan bio-bahan api generasi kedua bertujuan mempercepatkan bagi mendapat faedah daripada biomas untuk dikomersialkan dan bernilai tinggi. Minyak bio diguna bagi menjana elektrik, seterusnya dikomersialkan bagi mengubah minyak bio kepada bahan api untuk pengangkutan iaitu diesel hijau gasolin hijau dan minyak jet hijau.

EPP 8 mempercepatkan pertumbuhan dalam segmen hiliran berasaskan makanan dan produk kesihatan industri minyak sawit perlu berganjak kepada aktiviti hiliran seperti produk halal, biskut, aiskrim, tokotrienol, karetinoid dan fenolik. Bagi menyokong anjakan ini, MPOB meningkatkan penglibatan alam industri dan menyelaraskannya.

Natijahnya dapat disimpulkan EPP memberi impak kepada peningkatan pendapatan dalam negara kasar serta penambahan pekerjaan tempatan yang memerlukan kemahiran tinggi sekali gus mengurangkan pekerja asing di samping membuka peluang perniagaan baru. Ini merupakan pelaksanaan EPP yang efektif dan peralihan lancar antara perancangan dan pelaksanaan. Sewajarnya kita sebagai waris bumi yang gemilang, perlu memuncakkan serta menjulang keunggulan sawit Malaysia sejajar dengan kepesatan marcapada.

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Mac 2012

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk diberikan di bawah:

Tajuk: "Tohmahan tidak berasas terhadap industri sawit perlu disangkal. Bincangkan"

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
Hadiah Pertama : RM250
Hadiah Kedua : RM200
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam

Berita Sawit keluaran April 2012 akan datang.

Syarat Penyertaan

Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5 Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada) Keputusan juri adalah muktamad. Tarikh tutup pada **23 Mac 2012**

Hantarkan penyertaan ke alamat

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad
(Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Februari 2012.

Pemenang

Hadiah Pertama
Farah Atiqah binti Jamil
(No. K/P: 950124-14-6992)
MRSM Kubang Pasu,
06000 Jitra, Kedah

Hadiah Kedua
Mohd Adib Abd Samad
(No. K/P: 950813-09-5019)
SM Teknik Kuala Lumpur
Bandar Tun Razak
56000 Kuala Lumpur

Hadiah Ketiga
Nur Hidayah Yusoff
(No. K/P: 960803-03-5230)
SMK batu Muda,
Kg. Batu Muda,
51100 Kuala Lumpur

KUIZ

KUIZ SAWIT SIRI 15



SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 23 Mac 2012
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, nombor telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :
- Ketua Pengarang Berita Sawit**
Kuiz Sawit (Siri 15)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

SOALAN KUIZ 15

- Pembajaan secara berjadual penting bagi memastikan pokok sawit membesar dengan baik.
 Betul Salah
- MPOB telah menghasilkan teknologi baja untuk kegunaan tanaman sawit yang ditanam di pelbagai permukaan tanah. Antara yang berikut, mana yang bukan hasil teknologi MPOB
 Baja MPOB F1 Baja Xtra-K Baja Urea
- Serangga berikut adalah antara perosak utama tanaman sawit
 Kumbang badak Belalang kunyit Lalat
- Integrasi tanaman kontan dengan sawit sesuai dilaksanakan ketika pokok sawit berusia?..
 Lebih dua tahun
 Kurang dua tahun
 Antara dua hingga lima tahun
- Biogas yang dihasilkan oleh kilang memproses buah sawit berpotensi membekalkan tenaga elektrik kepada grid utama
 Betul Salah
- Produk hiasan dan kelengkapan rumah berikut dihasilkan daripada bahan berasaskan oleokimia sawit kecuali:
 Gel lilin Panel hiasan Pinggan mangkuk
- MPOB menyediakan pejabat khimat teknikal di negara-negara yang berikut kecuali:
 China Belgium Jepun
- MPOB berperanan menjalankan R&D dan mengawal selia industri sawit..
 Betul Salah
- Bahan api biodiesel yang dipasarkan di negara ini dikenali sebagai...
 B3 B5 B10
- Pada masa ini, Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) dijalankan di...
 PLASMA MPOB Keratong
 PLASMA MPOB Lahad Datu
 Ibu Pejabat MPOB, Bangi

NAMA PEMENANG SIRI 14

- | | |
|--|--|
| 1. Nur Syazana Salbiah Hamsani
SK LKTP Pemanis 1, Segamat, Johor | 6. Fazuan Ammar Azman
SK Bandar Maharani, Muar, Johor |
| 2. Arleesya Najwa Arman
SK Tunku Azizah, Indera Mahkota, Kuantan, Pahang | 7. Wan Nurain Afiqah Wan Moharani
SK Desa Putra, Sg. Merab, Kajang, Selangor |
| 3. Nur Aliah Abdullah
SK Sg. Korok Lama, Alor Star, Kedah | 8. Muhammad Kamil Mohd Khari
SK Balok, Kuantan, Pahang |
| 4. Ahmad Faez Azhari Ismail
SK Leftenan Adnan, Kajang, Selangor | 9. Muhammad Danial Abd Aziz
SK Sultan Ibrahim Satu, Pasir Mas, Kelantan |
| 5. Syalin Nurini Shahrul Izwan
SK Gangsa, hang Tuah Jaya, Durian Tunggal, Melaka | 10. Aidah Syuhada Abd Samad
SK Sg. Kantan, Kajang, Selangor |

BORANG PENYERTAAN

- Nama :
- Tahap :
- Alamat Sekolah:
- No. Tel:
- Alamat rumah:



TAN Sri Bernard Dompok, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (kiri) dan Datuk Dr Choo Yuen May (kanan) semasa Pelancaran Penggunaan B5 Sektor Perikanan Wilayah Tengah di Bagan Pasir, Tanjung Karang, Selangor.



TAN SRI Bernard Dompok menyaksikan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May bertukar dokumen MoU dengan Pengarah merangkap Pengurus Besar Operasi KTS dan See Hua Marketing Sabah, Ngu Ngiong Hieng bagi perbitan Utusan Sawit bersama akhbar Utusan Borneo untuk edaran di Sabah dan Sarawak.



MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapha Mohamad, menyampai cek Skim Insentif Bantuan Tanam Semula Sawit (SITS) kepada Pengurus Felda Kemahang, Tanah Merah, Kelantan. Turut hadir Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat, Dr Burhanuddin Abd Salam (tiga dari kanan).



DATO' SERI Utama Shahrir Abdul Samad (empat dari kanan) bersama Pengerusi Felda, Tan Sri Isa Abdul Samad (lima dari kiri) menyampai cek Skim Insentif Bantuan Tanam Semula Sawit (SITS) kepada Pengurus Felda Cini Lima, Pekan, Pahang. Turut hadir Datuk Dr Choo Yuen May (dua kanan).



KETUA Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan disambut oleh Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (dua dari kiri), Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kiri) dan Mohd Sanuri Shahid semasa Program Town Hall Session di Ibu Pejabat MPOB.



PUAN Sri Diana Dompok, isteri Menteri Perusahaan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok semasa Bengkel Pembuatan Sabun dan Lilin anjuran bersama MPOB dan Pusat Cemerlang P.174, Panampang, Sabah.